

22/01/1997

KPB rancang teroka operasi kargo

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (KPB), syarikat pengendali kontena dan perkapalan, merancang meneroka operasi kargo udara ke arah menjadi kumpulan syarikat pengangkutan darat, laut dan udara.

Pengerusi Eksekutifnya, Mirzan Mahathir, berkata bahagian kewangan korporat KPB sedang menilai pelbagai pilihan berikutan perniagaan kargo udara yang begitu strategik dan berkembang pesat.

Beliau yang menyebut pengeluar komponen antara satu daripada pelanggan berpotensi bagi pengangkutan kargo udara, berkata:

"Sebahagian daripada produk ini terutama yang berteknologi tinggi dan mahal, perlu dihantar secepat yang boleh".

Bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar Kebangsaan Mengenai Globalisasi Menerusi Penggabungan dan Pengambilalihan, Mirzan juga tidak menolak kemungkinan pelanggan berpotensi dari kalangan pelabur di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau berkata, rundingan sedang dijalankan dengan beberapa pihak tempatan dan luar negara.

Menurutnya, KPB melihat pelbagai kemungkinan termasuk perkongsian perkhidmatan dan perjanjian teknikal, dan tidak semestinya mengambil alih sebuah operasi sedia ada.

Minat syarikat itu untuk beralih kepada kargo udara turut didorong oleh hakikat bahawa tidak ada pengendali tempatan yang besar dalam industri pada masa ini.

"Tidak seperti perkapalan di mana kita mempunyai pesaing yang sudah terkenal seperti P&O dan syarikat perkapalan Jepun, kargo udara masih tidak mempunyai kehadiran mana-mana syarikat yang benar-benar mantap," katanya.

(END)